

Data 5 juta penumpang bocor, pejabat AirAsia diserbu

Oleh **AMREE AHMAD**

utusannews@mediamulia.com.m

PUTRAJAYA: Dua pasukan penyiasat Kementerian Komunikasi dan Digital membuat 'serbuan' ke atas pejabat AirAsia Aviation Group Limited dekat sini semalam berhubung isu data lima juta penumpang yang didakwa bocor.

Perkara berkenaan disahkan Menteri Komunikasi dan Digital, Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil dalam sidang akhbar selepas Majlis Amanat beliau di kementerianya di sini semalam.

"Pukul 2.15 petang semalam (kelmarin), lima pegawai Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) dan dua pegawai Cyber Security Malaysia (CSM) datang bagi mengambil beberapa dokumen," jelasnya.

Sabtu lalu, beliau menerusi kenyataan memaklumkan sistem pelayan AirAsia diceroboh selepas digodam kumpulan dikenali sebagai Daixin melibatkan data lima juta penumpang.



FAHMI Fadzil bersalaman dengan pegawai tertinggi kementerian pada Majlis Amanat Menteri Komunikasi dan Digital kepada warga kerja kementerian itu di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

Serangan siber berbentuk perisian tebusan itu turut membatalkan butiran peribadi pekerja syarikat penerbangan kos rendah popular tersebut yang berlaku pada 12 November lalu.

Sehubungan itu, pasukan pe-

nyiasat JPDP dan CSM memulakan proses siasatan awal dengan bertemu sendiri pengurusan firma induknya, Capital A pada 1 Disember lepas.

Beliau turut menggesa semua pengguna sentiasa memantau

dan menambah baik aspek keselamatan siber dengan mengemas kini sistem perlindungan ke atas pangkalan data.

Mengulas lanjut, Ahmad Fahmi berkata, dua pasukan berkenaan turut mengambil pelbagai peralatan data yang berkaitan rekod penumpang dan staf operator udara tersebut.

"Saya difahamkan bahawa proses siasatan itu sebenarnya masih lagi berjalan dari semasa ke semasa dan insya-Allah akan dimaklumkan jika ada perkembangan kelak," tegasnya.

Sebelum ini, sistem pelayan syarikat penerbangan kebangsaan, Malaysia Airlines Berhad juga diceroboh tahun lalu, namun keadaan tidak serius dan berjaya dikawal.

Daixin terkenal di seluruh dunia sering menggodam pangkalan data pelbagai organisasi bagi memberi amaran kepada pelanggan firma itu mengenai kelemahan sistem kawalan.